



**ISAH BINTI ALIAS  
LAWAN  
ANUAR BIN ABU SAMAH  
KALSUM BINTI HAMZAH**

[Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan Di Seremban, YAA Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim bin Haji Mokhtar (Pengerusi), YA Dato' Haji Mohd Amran bin Mat Zain (Panel), YA Dato' Haji Hussin bin Haji Harun (Panel)]

**Pada :** 14 September 2022 / 17 Safar 1444H

**Kes Permohonan No. 05000-077-0017-2021**

[*Permohonan Kebenaran Lanjut Tempoh Masa Memfailkan dan Menyerahkan Notis Rayuan, Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan – Seksyen 238 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003*]

**Peguam Syarie Pemohon** : Tuan Mohd Shafiq bin Norizan dan Puan Maryam Jameelah binti Sidek Khalid daripada Tetuan Syafiq Norizan & Associates.

**Peguam Syarie Responden** : Tetuan Hafiz Azlin Syuhada & Co.

**ALASAN PENGHAKIMAN**

[1] Kes ini adalah suatu permohonan untuk mendapat perlanjutan tempoh masa bagi memfailkan dan menyerahkan Notis Rayuan, Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan bagi kes rayuan (mal) no. 05000-044-0006-2019. Permohonan ini difailkan

oleh Pemohon pada 11 November 2021 akibat kegagalan Pemohon berbuat demikian dalam tempoh masa yang ditetapkan serta melepasi tempoh masa bagi memfailkan dan menyerahkan Notis Rayuan, Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan kepada Responden-Responden.

[2] Permohonan ini dibuat dengan merujuk kepada seksyen 238 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (ETMMSNS 2003) berkaitan kuasa Mahkamah untuk melanjutkan tempoh masa, iaitu -

***Seksyen 238 - Memanjangkan Atau Memendekkan Masa***

*(1) Mahkamah boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya adil, melalui perintah, melanjutkan atau memendekkan tempoh yang dalamnya seseorang dikehendaki atau dibenarkan oleh Enakmen ini atau oleh mana-mana penghakiman, perintah atau arahan untuk melakukan apa-apa perbuatan dalam mana-mana prosiding.*

*(2) Mahkamah boleh melanjutkan apa-apa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) walaupun permohonan untuk mendapatkan pelanjutan itu tidak dibuat sehingga selepas habis tempoh itu.*

**Ulasan Mahkamah Rayuan Syariah**

[3] Setelah meneliti Notis Permohonan dan Afidavit Pemohon, maka kami berpuas hati membuat dapatan seperti berikut;

- 3.1 Pemohon tidak berpuashati dengan keputusan kes yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah pada 23 April 2019 yang mana Hakim Bicara telah menolak permohonan pengesahan hibah yang difailkan oleh Pemohon.
- 3.2 Pemohon melalui Peguam Syarie yang terdahulu telah memfailkan Notis Rayuan pada 6 Mei 2019. Pemohon telah dimaklumkan oleh Peguam Syarie yang terdahulu bahawa penyampaian Notis Rayuan tersebut kepada Responden-Responden telah dilaksanakan secara pos namun tiada affidavit penyampaian difailkan dan tiada bukti penyerahan dikemukakan.
- 3.3 Oleh kerana Notis Rayuan tersebut belum sempurna penyampaiannya kepada Responden-Responden maka Pemohon turut memohon untuk membuat pindaan dan memfailkan Notis Rayuan yang baru tertakluk kepada Seksyen 80(3) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.
- 3.3 Pemohon telah menerima Notis MS 30 pada 29 September 2020 dan tarikh akhir Pemohon perlu memfailkan Alasan Rayuan adalah pada 13 Oktober 2020 manakala tarikh akhir pemfailan Rekod Rayuan adalah pada 10 November 2020.
- 3.4 Pemohon tidak memfailkan kedua-dua Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang kerana Pemohon telah dimaklumkan oleh Peguam Syarie yang terdahulu bahawa Notis MS 30 yang dikeluarkan oleh Mahkamah adalah tidak sempurna kerana tidak lengkap dengan keterangan tiga (3) orang saksi.
- 3.6 Pemohon telah membuat pertukaran Peguam Syarie pada 26 April 2021 dengan memfailkan Notis Penukaran dan Pelepasan Peguam

Syarie yang terdahulu serta melantik dua (2) orang Peguam Syarie yang baru.

- 3.7 Pemohon telah menerima Notis MS 30 yang baru pada 5 Mei 2021 dan seterusnya memfailkan Alasan Rayuan pada 19 Mei 2021 dan Rekod Rayuan pada 29 Jun 2021. Penyerahan Alasan Rayuan telah dibuat kepada Peguam Syarie Responden-Responden pada 25 Mei 2021 manakala penyerahan Rekod Rayuan dibuat pada 14 Julai 2021.
- 3.8 Semasa sesi sebutan kes rayuan pada 3 September 2021, Pemohon telah dinasihatkan untuk memfailkan permohonan pelanjutan tempoh masa memfailkan Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan berdasarkan Notis MS 30 pertama yang diterima pada 29 September 2020. Ini adalah kerana pemfailan Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan yang dibuat oleh Pemohon berdasarkan Notis MS 30 kedua bertarikh 5 Mei 2021 adalah bercanggah dengan kehendak peruntukan undang-undang.

[4] Permohonan ini adalah berkaitan kegagalan Pemohon menyerahkan Notis Rayuan kepada Responden-Responden atau kepada Peguam Syarie Responden-Responden dalam tempoh masa sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen 139 (8) ETMMSNS 2003.

***Seksyen 139. Notis rayuan***

*(8) Notis rayuan hendaklah disampaikan oleh perayu dalam masa yang dihadkan bagi pemfailan rayuan kepada semua pihak yang terlibat dengan rayuan itu atau kepada Peguam Syarie mereka masing-masing.*

[5] Permohonan ini juga adalah berkaitan kegagalan Pemohon memfailkan Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan serta kegagalan Pemohon menyerahkan Rekod Rayuan kepada Responden-Responden atau kepada Peguam Syarie Responden-Responden dalam tempoh masa sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen 141 (1) dan 142 (2) dan (3) Enakmen yang sama.

***Seksyen 141. Alasan rayuan***

*(1) Dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan di bawah subseksyen 139 (6), perayu hendaklah mengemukakan alasan rayuan dalam lima salinan kepada Pendaftar Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang dialamatkan kepada Mahkamah yang mendengar rayuan itu.*

***Seksyen 142. Rekod rayuan jika perayu diwakili***

*(2) Dua salinan rekod rayuan itu hendaklah difailkan di Mahkamah yang mendengar rayuan itu dalam masa enam minggu selepas penerimaan pemberitahuan daripada Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang menyatakan bahawa salinan diperakui bagi nota-nota keterangan dan alasan-alasan penghakiman sudah siap.*

*(3) Perayu hendaklah dalam tempoh yang dihadkan bagi memfailkan rekod itu menyampaikan suatu salinannya kepada setiap pihak yang kepadanya notis rayuan itu telah disampaikan.*

[6] Permohonan ini dibuat di bawah seksyen 238 Enakmen yang sama untuk pelanjutan tempoh masa yang mana peruntukan ini memberi kuasa budi bicara kepada Mahkamah untuk memutuskan permohonan ini demi keadilan pihak-pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun kuasa budi bicara tersebut tidaklah boleh digunakan sewenang-wenangnya oleh Mahkamah ini untuk membenarkannya atau menolaknya.

[7] Di dalam kes seumpama ini, kami berpendapat perlu ada faktor-faktor yang menjadi pertimbangan untuk perlanjutan masa diberikan. Terdapat kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah yang telah menggariskan prinsip atau panduan dalam penggunaan budi bicara ini. Dalam kes Harun bin Abdullah lwn Zainab bt Alina [1987] JH 2 Bhg. 1 m.s 279 Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Selangor telah menyatakan sebagaimana berikut:-

*“Oleh itu sebelum kebenaran diberi untuk melanjutkan masa rayuan dua perkara hendaklah dipenuhi. Yang Pertama mesti ada perihal-perihal istimewa ( special circumstances ), dan yang kedua, perihal-perihal istimewa itu akan mendatangkan atau membawa kepada keadilan.”*

[8] Subseksyen 238 (1) tidak memperuntukkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi dalam sesuatu permohonan perlanjutan tempoh masa. Oleh kerana itu suatu garis panduan diperlukan supaya tidak berlaku penyalahgunaan kuasa budi bicara.

[9] Kami bersetuju terhadap garis panduan yang telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor dalam Sharifah Badariah Binti Mari lwn. Yasran Bin Hj. Hussain, Kes Permohonan No.: 10000-099-0005-2009 oleh

Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor dan antara kes yang telah diterbitkan di dalam Jurnal Hukum seperti kes *Aziah Bin Abdul Aziz lwn. Azmi Bin Abd. Aziz*, [2013] JH 36(1) serta kes *Fatima @ Hasnah Binti Daud lwn. Wan Hassan Bin Wan Daud* di mana Panel Rayuan berkenaan telah menggariskan beberapa faktor yang perlu diberi pertimbangan sebelum membenarkan sesuatu permohonan di bawah seksyen 238 tersebut, iaitu:-

- i. Tempoh kelewatan;
- ii. Sebab kelewatan;
- iii. Kebarangkalian untuk Pemohon berjaya dalam rayuannya; dan
- iv. Tahap prejudis kepada pihak yang satu lagi.

[10] Faktor-faktor di atas hanyalah sebagai panduan bagi tujuan melaksanakan budi bicara tersebut dan tidak bermaksud menjadi satu keperluan yang ketat dan mandatori, serta ianya bukanlah suatu keperluan untuk semua faktor menyebelahi Pemohon di dalam melaksanakan kuasa budi bicara tersebut.

[11] Di dalam kes ini, kami akan mempertimbangkan dua (2) isu utama iaitu isu pertama sama ada permohonan pelanjutan tempoh masa Pemohon untuk pemfailan dan penyerahan Notis Rayuan wajar dibenarkan ataupun tidak dan isu kedua sama ada permohonan pelanjutan tempoh masa Pemohon untuk pemfailan Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan serta penyerahan Rekod Rayuan wajar dibenarkan ataupun tidak. Bagi isu kedua kami akan memperhalusi terlebih dahulu tentang isu Notis MS 30 yang dikeluarkan pada dua (2) tarikh yang berbeza bagi tujuan pengiraan tempoh masa pemfailan kedua-dua dokumen tersebut.

## **Permohonan Pelanjutan Tempoh Masa Pemohon Untuk Pemfailan Dan Penyerahan Notis Rayuan**

### Tempoh kelewatan

[12] Melalui Afidavit Sokongan Pemohon yang diikrarkan pada 11 November 2021, kami dapati bahawa permohonan ini dibuat setelah berlalunya masa untuk menyerahkan Notis Rayuan yang berakhir pada 6 Mei 2019.

[13] Dapatan kami Pemohon telah menyedari mengenai fakta bahawa Notis Rayuan bagi kes rayuan (mal) no. 05000-044-0006-2019 telah gagal diserahkan kepada Responden-Responden apabila dimaklumkan oleh Peguam Syarie yang baru mengambil alih fail kes rayuan Pemohon daripada Peguam Syarie yang terdahulu. Pemohon telah memfailkan permohonan perlanjutan tempoh masa ini pada 11 November 2021 iaitu tempoh kelewatan selama **919 hari** selepas tarikh akhir penyerahan Notis Rayuan tersebut pada 6 Mei 2019.

### Faktor/Sebab kelewatan

[14] Setelah kami meneliti Afidavit Pemohon, kami dapati Pemohon ada menyatakan sebab kelewatan adalah –

- i. Peguam Syarie yang terdahulu memaklumkan bahawa penyerahan Notis Rayuan telah dibuat kepada Responden-Responden dan kepada Peguam Syarie Responden-Responden melalui pos namun tiada bukti penyampaian dikemukakan serta tiada afidavit penyampaian difailkan.



ii. Peguam Syarie Pemohon yang baru dilantik pada 26 April 2021 telah berusaha mendapatkan maklumat dan pengesahan penerimaan Notis Rayuan dari Peguam Syarie Responden yang terdahulu; Peguam Syarie Responden yang terdahulu mengakui telah menerima tetapi tidak dapat mengemukakan bukti penerimaan kerana telah bertugas di tempat kerja lain.

iii. Peguam Syarie Pemohon juga telah berusaha mendapatkan bukti penerimaan daripada Jabatan Bantuan Guaman yang mengendalikan kes induk Responden-Responden tetapi gagal kerana kes induk tersebut telah selesai, ditutup dan tidak boleh dibuka semula sekalipun ada rayuan dibuat.

[15] Pemohon menghujahkan bahawa oleh kerana Notis Rayuan tersebut tidak dapat dibuktikan telah diserahkan dan diterima oleh Peguam Syarie JBG Negeri Sembilan yang mewakili Responden-Responden semasa kes induk tersebut di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, secara asasnya boleh disimpulkan bahawa Notis Rayuan tersebut belum lagi diserahkan kepada Responden-Responden.

[16] Responden-Responden menghujahkan bahawa permohonan lanjut tempoh ini wajar ditolak kerana hujahan Pemohon hanya berkisar kepada fakta kelewatan menyerahkan Notis Rayuan ekoran kekhilafan pihak ketiga iaitu Peguam Syarie Pemohon yang terdahulu tetapi Pemohon gagal menyatakan apakah alasan Peguam Syarie terdahulu memilih hari terakhir untuk memfailkan Notis Rayuan seterusnya menyampaikan Notis Rayuan tersebut melalui pos.

### **Permohonan Pelanjutan Tempoh Masa Pemohon Untuk Pemfailan Alasan Rayuan Dan Rekod Rayuan Serta Penyerahan Rekod Rayuan**

[17] Pemohon telah memaklumkan bahawa Notis MS 30 yang pertama telah dikeluarkan oleh Mahkamah pada 29 September 2020 tidak mempunyai nota keterangan berkenaan tiga (3) orang saksi. Oleh yang demikian Pemohon telah tidak memfailkan Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan berdasarkan kepada Notis MS 30 tersebut. Notis MS 30 yang kedua telah dikeluarkan pada 5 Mei 2021 dan lengkap dengan keterangan saksi-saksi. Pemohon telah memfailkan Alasan Rayuan pada 19 Mei 2021 dan Rekod Rayuan pada 29 Jun 2021.

[18] Oleh kerana terdapat kekhilafan mengenai pengeluaran Notis MS 30 dan kami dapati Notis MS 30 yang kedua bertarikh 5 Mei 2021 adalah yang lengkap dengan keterangan saksi-saksi maka sewajarnya Notis MS 30 bertarikh 5 Mei 2021 diguna pakai bagi tujuan pemfailan Alasan Rayuan dan rekod Rayuan.

#### Kebarangkalian untuk Pemohon berjaya dalam rayuannya

[19] Pemohon tidak memplidkan alasan mengenai kebarangkalian berjaya di dalam rayuan di dalam affidavit sokongan tetapi memasukkannya di dalam hujah. Pemohon menghujahkan kebarangkalian untuk berjaya amat tinggi melihat kepada syarat dan rukun hibah telah dipenuhi oleh Pemohon.

#### Tahap prejudis kepada pihak yang satu lagi

[20] Pemohon juga tidak memplidkan alasan mengenai tahap prejudis kepada Responden sekiranya permohonan ini dibenarkan tetapi Pemohon memasukkannya di dalam hujah dengan menghujahkan bahawa tahap prejudis amat tinggi kepada

pemohon berbanding Responden. Ini kerana tanah yang menjadi “subject matter” dalam kes hibah masih didiami oleh Pemohon sedangkan Responden-responden masing-masing telah memiliki tanah dan rumah yang lain.

[21] Berhubung dengan permohonan perlanjutan tempoh masa untuk Pemfailan Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan serta Penyerahan Rekod Rayuan, pada hemat kami dalam isu ini, Pemohon tidak sewajarnya dipersalahkan atas kekhilafan pihak ketiga iaitu Peguam Syarie Pemohon, Notis Rayuan sedia ada adalah terpakai dan hendaklah diserahkan sewajarnya kepada Responden berdasarkan peruntukan undang-undang.

[22] Kami ingin mengingatkan pihak-pihak bahawa penetapan tempoh masa yang dikanunkan dalam prosedur rayuan adalah bertujuan menghadkan sebarang litigasi yang meremehkan serta mengelakkan berlaku penyalahgunaan proses Mahkamah, mengelakkan kecelaruan dan membantu melancarkan proses keadilan. Pematuhan ketat tentang tempoh masa tersebut adalah mandatori. Walaupun Mahkamah mempunyai budi bicara luas untuk membenarkan sesuatu permohonan untuk perlanjutan masa, budi bicara tersebut hendaklah dilaksanakan secara saksama dan adil kepada pihak satu lagi.

[23] Kami sekali lagi menyatakan bahawa perlanjutan sesuatu tempoh masa untuk melakukan sesuatu di dalam undang-undang merupakan kuasa budi bicara kami. Walaupun telah ada panduan yang telah dijelaskan di dalam penghakiman Mahkamah terdahulu, namun ianya adalah sebagai panduan semata-mata dan kami

tidaklah terikat dengan ketat untuk memenuhi semua faktor-faktor yang dinyatakan di dalam panduan tersebut.

[24] Dalam hal ini kami juga telah mempertimbangkan permohonan Pemohon ini dengan mengaplikasi beberapa kaedah fiqh iaitu:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

*Maksudnya : Tidak dibenarkan melakukan kemudharatan dan membalas sesuatu dengan kemudharatan.*

الضَّرَرُ يُزَالُ

*Maksudnya : Kemudaratan hendaklah dihilangkan.*

**KEPUTUSAN**

**SETELAH** meneliti Notis Permohonan, Afidavit Sokongan Pemohon, **MAKA KAMI** sebulat suara memutuskan sebagaimana yang berikut –

- [1] Permohonan Pemohon ini **DIBENARKAN**.
- [2] Pemfailan Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan serta Penyerahan Rekod Rayuan hendaklah disempurnakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh hari ini.
- [3] Kos diawardkan kepada Responden dan ditaksirkan di hadapan Ketua Pendaftar; dan
- [4] Notis permohonan taksiran kos dalam tempoh 14 hari dari tarikh hari ini.

Dibaca dan ditandatangani oleh :-




- .....
1. **YAA DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NAIM BIN HAJI MOKHTAR**  
Pengerusi Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh :-



- .....
2. **YA DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN**  
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh :-



- .....
3. **YA DATO' HAJI HUSSIN BIN HAJI HARUN**  
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan